



TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT
PELANTIKAN KONTRAKTOR
BUMIPUTERA DAN BENGKEL
PENERANGAN PROJEK *ENHANCED
MALAYSIA INTERNATIONAL INTERNET
GATEWAY (EM-IIG)***

**22 APRIL 2019
HOLIDAY VILLA HOTEL & CONFERENCE
CENTRE
SUBANG JAYA
SELANGOR**

Terima kasih saudara pengacara majlis

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor
Pengurusan) Kementerian Kerja Raya

**YBhg. Dato' Seri Dr. Abdul Rashid bin
Abdul Rahim**

Pengerusi Eksekutif XIDDIG Cellular
Communications Bhd

YBrs. Musa A Rahman

Pengarah Urusan XIDDIG Cellular
Communications Bhd

YBhg. Tan Sri, Dato' Seri, Datuk – Datuk,
Dato'-Dato', Dif-Dif Kehormat, Ketua-ketua
Jabatan, Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan
Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur Xiddig Cellular Communications Sdn. Bhd. atas jemputan untuk menghadiri majlis ini bersama-sama dengan kontraktor Bumiputera dalam suasana yang ceria dan harmoni. Saya difahamkan sejurus selepas ini mereka akan menerima surat pelantikan dan seterusnya diberi penerangan mengenai Projek *Enhanced Malaysia International Internet Gateway* (EM-IIG).

2. Majlis pada malam ini merupakan titik permulaan kepada gerbang teknologi baru untuk mempersiapkan negara kita bagi menghadapi kehadiran Revolusi Industri 4.0 yang menekankan pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan

tenaga manusia yang sudah pasti memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Projek *Enhanced Malaysia International Internet Gateway* (EM-IIG) yang bernilai RM5.45 bilion ini bakal meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai salah satu projek pemasangan fiber gentian optik terbesar dunia melibatkan jajaran sepanjang 110,000 kilometer melalui dua fasa yang akan dilaksanakan di negara ini.

4. Untuk makluman, projek inisiatif swasta yang dilaksanakan oleh Syarikat Xiddig Cellular Communications Sdn Bhd (XIDDIG) ini, bakal menawarkan internet jalur lebar berkelajuan tinggi iaitu 150 terabit

pada kadar yang terendah dan merupakan satu-satunya projek swasta yang membabitkan kontraktor Bumiputera secara menyeluruh. Saya difahamkan lebih 5,000 kontraktor Bumiputera di seluruh negara bakal memperoleh manfaat daripada pelaksanaan projek ini.

5. Apa yang menarik, projek ini tidak membabitkan kontraktor utama dan sub kontraktor. Semua kontraktor akan diberi pembayaran terus oleh pihak XIDDIG yang turut mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh kontraktor Bumiputera seperti kewangan, bahan binaan, mesin atau jentera serta latihan.

6. Selain itu, semua kontraktor akan diberi 15 peratus dana mobilisasi dengan 5 peratus boleh digunakan untuk bon pelaksanaan. Oleh

itu tidak timbul isu ketiadaan dana dan pembiayaan yang akan dihadapi oleh para kontraktor Bumiputera kelak.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Bekalan bahan binaan pula akan disimpan di gudang XIDDIG di setiap negeri. Jentera atau mesin berkaitan akan disediakan kepada kontraktor yang tidak mempunyai kelengkapan itu melalui konsep 'sewa beli' (*hire and purchase*). Bagi jaminan produk selama 25 tahun pula, setiap kontraktor yang layak akan diberi latihan sewajarnya.

8. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru supaya kontraktor dan usahawan Bumiputera agar bersikap lebih proaktif, keluar dari zon selesa dan tidak terlalu bergantung kepada kontrak kerja daripada kerajaan.

Sudah sampai masanya kontraktor Bumiputera merangka inisiatif untuk terus bersaing dalam industri pembinaan, merebut segala peluang yang ada terutamanya di sektor swasta.

9. Untuk makluman semua, mengikut levi yang dikutip CIDB bagi tahun 2018, jumlah projek yang ditawarkan adalah RM127.8 bilion namun projek kerajaan hanyalah RM47.4 billion atau 37.1 peratus sahaja daripada jumlah tersebut dan selainnya adalah projek swasta. Akan tetapi, Sehingga kini, terdapat hampir 43,724 kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) seluruh negara meliputi G1 sehingga G7.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Dengan jumlah nilai projek kerajaan yang kecil berbanding jumlah kontraktor yang berdaftar tersebut, besarlah harapan saya agar kontraktor Bumiputera tidak hanya merebut projek kerajaan semata-mata tetapi perlu memperluaskan rangkaian di pihak swasta sekaligus terus bersaing dalam cabaran yang lebih kompetitif.

11. Kementerian mengalu-alukan pihak swasta untuk memberikan lebih banyak peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk turut serta dalam projek-projek yang akan dilaksanakan. Contohnya, peluang yang diberikan oleh MRT Corporation dalam projek infrastruktur utama negara MRT dengan anggaran 45 peratus kontrak telah diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera.

12. Di samping itu, kontraktor Bumiputera perlu menambah ilmu dan menunjukkan ciri-ciri kesungguhan dalam kerja-kerja pemasangan fiber optik di dalam era dunia tanpa sempadan yang berubah dengan pesat yang memerlukan kita terus berdaya saing dan lebih maju lagi. Sesungguhnya, saya yakin ketersediaan kontraktor Bumiputera untuk menceburi dan meningkatkan kemahiran di dalam bidang baru akan dapat membantu merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera. Ia adalah sejajar dengan strategi Kerajaan yang memberi fokus terhadap usaha memperhebat keusahawanan dan perniagaan Bumiputera yang mampu melahirkan komuniti kontraktor Bumiputera yang mempunyai daya tahan,

daya saing, daya juang, inovatif dan berani mengambil risiko.

13. Saya mengucapkan syabas kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berani menyahut cabaran dan sudah tentu segala usaha gigih mereka akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya yakin dengan komitmen yang tinggi, kontraktor Bumiputera sudah bersedia untuk mengorak langkah maju terus ke hadapan.

14. Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha dalam merealisasikan pembangunan dan inisiatif jalur lebar berkelajuan tinggi, terutama sekali kepada Xiddig Cellular

Comunications Sdn. Bhd. Dengan penuh sukacitanya saya merasmikan **Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Kontraktor Bumiputera dan Bengkel Penerangan Projek *Enhanced Malaysia International Internet Gateway***.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Urusetia Majlis
Bahagian Korporat
Kementerian Kerja Raya
22 April 2019